

GAH-UMS anjur program Seni@GAH

UB 22.09.2022 P.02

KOTA KINABALU: Galeri Azman Hashim Universiti Malaysia Sabah (GAH-UMS) berjaya menganjurkan program Seni@GAH dengan mengadakan pertandingan mewarna dan melukis Doodle, baru-baru ini.

Pengarah GAH-UMS, Dr. Mohammad Puad Bebit berkata program itu diadakan bersempena sambutan Hari Malaysia 2022.

Katanya, bertepatan apresiasi Keluarga Malaysia Teguh Bersama, program ini bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotik dan menyemai semangat kasih sayang serta kecintaan kepada negara.

Katanya, program ini menjadi platform kepada peserta untuk mempersembahkan hasil karya dan menggalakkan mereka menghargai serta memperkasakan jati diri terhadap hasil karya yang bersifat patriotik.

“Pertandingan ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori khas mewarna poster bagi pelajar pendidikan khas Sekolah Kebangsaan (SK) Kolombong yang melibatkan seramai 44 orang pelajar.

“Bagi kategori A, seramai 30 pelajar tahap dua SK Kolombong terlibat yang dibahagikan kepada 10 kumpulan.

“Sementara kategori B pula, terbuka kepada penyertaan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kimanis, IPG Kampus Gaya, UCSF dan PSVS melibatkan seramai 36 peserta,” katanya ketika ditemuisempena penyampaian hadiah kepada pemenang.

Terdahulu, tempat pertama kategori khas dimenangi oleh Javier Moses John Charles, tempat kedua Nur Humaisarah Abdullah dan ketiga, Noah Kevern Juvenil.

Pemenang kategori A

melukis doodle (atas im-praboard) dimenangi oleh kumpulan yang diketuai oleh Nuurul Hilmeyah Mokhtar, kedua kumpulan diketuai Adeline Geneviev Vitalis dan ketiga diketuai Akifa Naila Mohd Husni.

Kategori B pertandingan melukis doodle (atas blok papan) dimenangi kumpulan yang diketuai Nur Syafiqah Izati Nilman dan tempat kedua diketuai Albright Liggahan dari SMK Kimanis, manakala tempat ketiga dari IPG Kampus Gaya diketuai Hamdi Sapirin.

Penilaian pertandingan dilakukan oleh juri jempunan daripada pensyarah Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), UMS iaitu Dr. Junior Kimwah dan Dr. Lilian Lee Shiau Gee.

Semua pemenang menerima hadiah berbentuk wang tunai, hamper dan sijil penyertaan.



PESERTA: Antara peserta yang mengikuti pertandingan mewarna dan melukis Doodle.